

## SYNOPSIS

This research investigates how teacher-student and student-student interactions during peer response sessions assist the group members in the revision of the first drafts of their compositions. It also aims to identify the types of scaffolds provided by the class teacher and peers during the teacher-student and student-student interaction sessions. Additionally, this research examines how students revise the first drafts of their compositions based on the verbal and written comments of the class teacher and peers.

This case study involves one ESL teacher and a group of six Form Four students, comprising three high-proficiency level (HP) students and three intermediate-proficiency level (IP) students. In accordance with the qualitative research methodology, data was collected through observations, interviews and documentary records. On the whole, eight group writing sessions (four pre-writing and four peer response sessions) were observed over a period of five months. The group writing sessions were carried out to discuss four writing topics in a naturalistic secondary school classroom setting. The data collected was analysed and triangulated to answer the three research questions. Bottom-up data driven categories of patterns of development of ideas during peer response sessions and types of class teacher and peer scaffolds were drawn from the transcripts of teacher-student and student-student interactions. The researcher also identified the roles of the class teacher and students during the interaction sessions. Besides, a comparison of the individual first drafts and final drafts of the students' compositions was done to determine the types of revisions made on the students' final drafts.

The outcomes of the research showed that multiple patterns of interaction emerged as the students were engaged in lengthy and meaningful discussion to generate ideas during the pre-writing sessions and to provide useful feedback during the peer response sessions. The students performed more roles as compared to the class teacher during the peer interaction sessions. Although the HP and IP students played various roles, the former played outstanding and dominant roles in initiating, facilitating and maintaining the peer discussions throughout all the pre-writing and peer response sessions. The findings indicated that there was mutual learning among the HP and IP students. The HP students were found to provide more scaffolds as compared to the IP students and the class teacher to assist the group members to generate ideas during the pre-writing sessions and to assist the group members in their revisions.

In addition, the findings revealed that both the class teacher and students supplied more feedback to correct errors at the Surface level than at the Text-base level. However, the peer feedback provided were mostly on Surface level Formal Changes at

the sentence level while the class teacher feedback were mostly on Surface level Meaning-preserving Changes. It is interesting to note that the students utilised more of the peer feedback as compared to the class teacher feedback and the self-correction of errors to assist them in their revisions. Both the HP and IP students emphasised the revision of Surface level errors at the sentence level rather than errors at the Text-base level. Nevertheless, the IP students made more revisions as compared to the HP students. The students in this research perceived the usefulness of the peer response sessions and the process approach to writing.

The findings in this research is significant as the peer scaffolds and class teacher scaffolds provided during the teacher-student and student-student interactions as well as through written form helped to bridge the students' current developmental progress to a higher cognitive level of thinking which enhances their writing skills. The implication of this research is that the class teacher and peer scaffolds provided during the interactive learning sessions served as the key to enhance teaching and learning effectiveness, especially in the area of writing.

## SINOPSIS

### **KOLABORASI DAN MAKLUMBALAS PENULISAN SEMULA KARANGAN DI KALANGAN PELAJAR BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA DI SEKOLAH MENENGAH**

Kajian ini mengkaji bagaimana interaksi di antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar semasa sesi maklum balas rakan sebaya dapat membantu ahli-ahli sekumpulan dalam penulisan semula deraf pertama karangan mereka. Tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis bantuan ('scaffold') yang diberikan oleh guru kelas dan rakan sebaya semasa sesi interaksi di antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar. Tambahan pula, kajian ini mengkaji bagaimana pelajar menulis semula deraf pertama karangan mereka berdasarkan komen-komen yang dibuat secara lisan dan penulisan yang diberi oleh guru kelas dan rakan sebaya.

Kajian kes ini melibatkan seorang guru Bahasa Inggeris yang mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL) dan sekumpulan enam pelajar dari Tingkatan Empat yang terdiri daripada tiga orang pelajar berkeupayaan tinggi (HP) dan tiga orang pelajar berkeupayaan sederhana (IP). Selaras dengan kaedah kajian kualitatif, maklumat dikumpul melalui pemerhatian, temuramah dan rekod dokumen. Secara keseluruhan, lapan kumpulan sesi penulisan (empat sesi sebelum penulisan karangan/'pre-writing sessions' dan empat sesi maklum balas rakan sebaya) telah diperiksa sepanjang tempoh lima bulan. Sesi penulisan dijalankan untuk membincangkan empat topik karangan di dalam suasana kelas yang semula jadi di sekolah menengah. Maklumat yang dikumpul dianalisis dan diintegrasikan ('triangulated') untuk menjawab tiga soalan kajian. Kategori corak perkembangan ide-ide semasa sesi maklum balas rakan sebaya dan jenis-jenis bantuan yang diberikan oleh guru kelas serta rakan sebaya telah dikenalpasti melalui transkrip-transkrip sesi interaksi di antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar. Pengkaji juga mengenalpasti peranan-peranan guru kelas dan pelajar-pelajar semasa sesi interaksi. Selain itu, perbandingan telah dibuat di antara deraf pertama dan deraf terakhir karangan individu pelajar untuk menentukan jenis-jenis penulisan semula yang dibuat dalam deraf terakhir pelajar.

Hasilan kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai corak interaksi wujud semasa penglibatan pelajar-pelajar di dalam perbincangan yang berpanjangan dan bermakna untuk menjanakan ide-ide semasa sesi perbincangan dijalankan, yakni sebelum penulisan karangan dibuat, serta memberi maklum balas yang membina semasa sesi maklum balas rakan sebaya. Pelajar-pelajar juga didapati memainkan lebih banyak peranan jika dibandingkan dengan guru kelas semasa sesi interaksi. Walaupun pelajar HP dan IP memainkan pelbagai peranan, namun didapati pelajar HP memainkan peranan yang lebih menonjol dan dominan untuk memula, membimbing dan mengekalkan perbincangan rakan sebaya sepanjang sesi

perbincangan, yakni sebelum penulisan karangan serta sesi maklum balas rakan sebaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pelajar HP dan IP saling belajar sesama sendiri. Pelajar-pelajar yang berkeupayaan tinggi didapati memberi lebih banyak bantuan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar berkeupayaan sederhana dalam membantu ahli kumpulannya menjana ide semasa sesi sebelum penulisan karangan dan membantu ahli kumpulannya dalam penulisan semula karangan mereka.

Tambahan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pihak guru kelas dan pelajar-pelajar memberikan lebih banyak maklum balas untuk membetulkan kesilapan pada Tahap Tatabahasa ('Surface Level') jika dibandingkan dengan kesilapan pada Tahap Makna Teks ('Text-base level'). Walaubagaimana pun, maklum balas daripada rakan sebaya adalah lebih kepada Kesilapan Tatabahasa ('Surface Level Formal Changes') pada peringkat ayat, manakala maklum balas daripada guru kelas adalah lebih kepada Kesilapan Tatabahasa yang Mengekalkan Makna ('Surface Level Meaning-preserving Changes'). Hal ini adalah menarik untuk diperhatikan bahawa pelajar-pelajar menggunakan lebih banyak maklum balas daripada rakan sebaya jika dibandingkan dengan maklum balas daripada guru kelas dan pembedaan kesilapan sendiri untuk membantu dalam penulisan semula karangan mereka. Kedua-dua pelajar HP dan IP menitikberatkan pembedaan Kesilapan Tatabahasa' ('Surface level errors') pada peringkat ayat berbanding dengan kesilapan pada Tahap Makna Teks ('Text-base level'). Namun begitu, pelajar IP membuat lebih banyak pembedaan jika dibandingkan dengan pelajar HP. Pelajar-pelajar dalam kajian ini mempercayai akan manfaat yang diperolehi daripada sesi maklum balas rakan sebaya dan pendekatan penulisan yang dilakukan secara proses.

Hasil kajian ini adalah signifikan kerana bantuan rakan sebaya ('peer scaffolds') dan bantuan guru kelas ('class teacher scaffolds') yang diberikan semasa interaksi di antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar serta secara penulisan telah membantu meningkatkan perkembangan semasa pelajar ke tahap pemikiran kognitif yang lebih tinggi bagi mengembangkan kemahiran menulis mereka. Implikasi kajian ini adalah bantuan yang diberikan oleh guru kelas dan rakan sebaya ('class teacher scaffolds and peer scaffolds') semasa sesi pembelajaran berinteraktif merupakan kunci kepada peningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, umpamanya dalam bidang penulisan.